

UPM rancang jadi universiti warga emas

SERDANG 5 Mei - Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang berusaha untuk muncul sebagai sebuah pusat pengajaran khas buat warga tua, yang cukup popular dalam tempoh dua tahun lagi.

Pengarah institut itu, Prof Madya Dr. Tengku Aizan Hamid berkata, Program Inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Warga Emas (LLIFE) yang dirasmikan hari ini merupakan salah satu usaha lanjutan ke arah pengenalan kepada sebuah universiti khusus buat warga emas (U3A).

"Dalam program perintis ini, kita tidak berikan ijazah kepada warga emas, tetapi beri mereka pilihan untuk belajar apa yang mereka inginkan. Ia selaras dengan program pembelajaran sepanjang hayat kepada penduduk Malaysia.

"Jika program ini berhasil, kita akan teruskan ke arah U3A kerana institut ini mempunyai tenaga kerja pakar yang boleh digembleng ke arah itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian program LLIFE di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM di sini, hari ini.

Katanya, jumlah warga tua berumur 60 tahun dan ke atas dalam negara kini mencecah 1.6 juta orang iaitu 6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia dan dianggarkan bilangan ini akan bertambah dengan anggaran kira-kira 10 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2020.

Katanya, berdasarkan kajian yang dijalankan, warga emas didapati bersedia untuk menambah pengetahuan kerana mereka masih mahu bekerja dan menyumbang kepada negara.